



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***RASUAH POLITIK DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI
MALAYSIA***

HAIRUZZAKI BIN MOHD YUSOF

FEM 2015 67



**RASUAH POLITIK DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI
MALAYSIA**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Master Sains**

September 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar-gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan boleh dibuat apa-apa bahan yang terkandung dalam tesis untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan memperkenalkan diri, terlebih dahulu, kebenaran bertulis daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

RASUAH POLITIK DALAM KALANGAN AHLI POLITIK DI MALAYSIA

Oleh

HAIRUZZAKI BIN MOHD YUSOF

September 2014

Pengerusi : Profesor Jayum Jawan, Ph.D
Fakulti : Ekologi Manusia

Rasuah politik merupakan jenis rasuah yang paling tinggi yang dilakukan oleh ahli politik dan pemimpin politik. Kesan rasuah politik ini memberikan impak yang besar kepada masyarakat dan negara kerana golongan ini yang akan menentukan masa depan negara. Tetapi timbul persoalan seperti mengapakah ahli politik tersebut mengamalkan rasuah? Apakah ada kaitan kes rasuah politik dengan aktiviti dalam parti politik yang mereka wakili? Maka kajian ini dilakukan bagi menjawab persoalan tersebut. Kajian ini adalah mengenai kes rasuah politik yang dilakukan oleh tokoh politik Malaysia di mana kes tersebut telah dituduh di mahkamah dan mereka telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah atas kesalahan rasuah. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat faktor-faktor penglibatan ahli-ahli politik di dalam rasuah politik dan juga menganalisa kes rasuah tersebut untuk melihat kaitannya dengan aktiviti politik. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisa kandungan terhadap enam fail kes siasatan rasuah yang melibatkan tokoh-tokoh politik terkenal tanah air. Kajian ini juga menggunakan teknik temubual mendalam bagi mendapatkan data primer bagi menyokong hasil kajian ini. Analisis kajian menggunakan konsep rasuah politik dan aktiviti politik dalam melihat hubung kait antara aktiviti politik, ahli politik dengan rasuah politik. Sebanyak enam fail kes siasatan rasuah dipilih sebagai subjek kajian untuk mengkaji faktor-faktor penglibatan ahli politik dan aktiviti politik dengan rasuah politik di Malaysia. Manakala temubual mendalam terhadap dua tokoh politik muda tanah air adalah bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan yang sesuai untuk menangani masalah rasuah yang melibatkan ahli politik dalam aktiviti politik di Malaysia. Hasil kajian mendapati ada kaitan secara langsung dan secara tidak langsung antara ahli politik, aktiviti politik dengan rasuah politik iaitu di dalam proses pembiayaan politik dan pendanaan parti politik. Manakala faktor penglibatan ahli politik di dalam rasuah politik ialah disebabkan keperluan untuk mendapatkan dana bagi membayai aktiviti politik mereka. Mereka telah menyalah gunakan kuasa untuk faedah peribadi dan sekutu serta untuk mengekalkan kuasa yang ada. Kesemua faktor tersebut menjurus kepada faktor tiadanya integriti di kalangan ahli politik. Bagi menangani masalah tersebut, adalah dicadangkan supaya diwujudkan garis panduan yang khusus dalam proses pendanaan dan pembiayaan politik dan keperluan untuk memperkenalkan model integriti politik

untuk mendidik golongan ahli politik mengenai kepentingan integriti dan transparensi di dalam politik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

POLITICAL CORRUPTION AMONG POLITICIAN (SELECTED) IN MALAYSIA

By

HAIRUZZAKI BIN MOHD YUSOF

September 2014

Chairman : Profesor Jayum Jawan, Ph.D
Faculty : Human Ecology

The highest level of corruption is the political corruption. It is a type of corruption that has been practiced by the politician and political figures. The impact of corruption is detrimental to the society as well as the country because it will decide the future of the nation. But, why the leaders and politicians do corrupt practices? Therefore, this research is aimed to explore the issue by using a content analysis of six selected files of SPRM investigation papers which are referred to the selected cases involving Malaysian political figures. The inclusion criteria of selected cases was, only cases that already have a final decision by the court of law and been closed by SPRM or (KUS). The main objective of this study is to analyze the factors that been contributed to the involvement of those politician in political corruption. Besides, it also aims to explain the connections of those corruption cases with their political activities. The study was supported by primer data that been collected through in-depth interview with two young political figures in Malaysia. The interview was conducted in order to have their says and opinions on how to combat political corruption in Malaysia. The finding shows that, there are significant direct and indirect connections between political activities, politician and political corruption in two broad areas; first, in the area of funding of political parties and second, in the area of political financing. The main factor why these politicians were involved in political corruption is because of the need of funding, which is referred to the money to feed their political activities. They will abuse their power in order to finance their political activities. Thus, lack of integrity among politicians and leaders are the main factor of their wrongdoings. Therefore, it is proposed to have a clear guidelines regarding the political party finance and political financing by introduce a specific policy and act of law such as Political Financing Act. Furthermore, in order to enhance the integrity, it is proposed to design a model of political integrity in order to educate politicians about the importance of integrity and transparency in politics.

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana diberikan kesempatan, kesihatan dan kemampuan fikiran untuk saya dapat menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Terima kasih tidak terhingga kepada isteri saya Kartini Ilias, anak-anak; Alyaa Qistina, Ahmad Aliff Nu'man dan Aleesya Qistina kerana memberikan sokongan, dorongan dan azam untuk saya terus berusaha menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa Mohd Yusof bin Wahab dan Zaiton Ebrahim serta Ilias Ibrahim dan Che Mah Che Omar, adik beradik serta seluruh ahli keluarga di atas doa dan sokongan moral untuk anakmu menyiapkan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya merakam ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Dr. Jayum Jawan dan Professor Dr. Zaid Ahmad selaku peyelia saya yang tidak jemu-jemu memberikan tunjuk ajar, bimbingan, waktu, dan nasihat kepada saya sepanjang kajian ini. Sekalung penghargaan kepada Prof. Madya Dato' Mohammad Agus Yusoff di atas bantuan, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar untuk saya melanjutkan pengajian ini.

Akhir kalam, semoga ilmu yang diperoleh ini dapat menjadikan diri ini mempunyai peribadi yang lebih baik lagi untuk menyumbang keringat dan jasa kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 4 September 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Hairuzzaki bin Mohd Yusof bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Rasuah Politik dalam Kalangan Ahli Politik di Malaysia" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Asnarulkhadi b Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid b Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Sarjit Singh a/l Darshan Singh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Kamaruzaman bin Yusoff, PhD

Profesor
Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 23 Januari 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Jayum A. Jawan, PhD

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaid bin Ahmad, PhD

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;

- melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain samada di Universiti Putra Malaysia atau institut lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan 2012);
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan Nombor Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan :

Jayum A. Jawan, PhD

Tandatangan : _____

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Zaid bin Ahmad, PhD


JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Rasuah Politik di Negara Maju	1
Rasuah Politik di Negara Membangun	2
Rasuah Politik di Malaysia	3
Permasalahan Kajian	4
Tujuan Kajian	7
Skop Kajian	7
Definisi Konsep	9
Kerangka Konsep	17
Signifikasi Kajian	19
Organisasi Kajian	20
2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
Pendahuluan dan Konsep Rasuah Politik	22
Rasuah Politik di Negara Maju	23
Rasuah Politik di Negara Membangun	30
Rasuah Politik di Malaysia	35
Rumusan	40
3 KONSEP RASUAH POLITIK DAN AKTIVITI POLITIK	
Pengenalan dan Definisi Rasuah Politik	42
Konsep Rasuah dari Perspektif Sosiologi	44
Konsep Rasuah dari Perspektif Moralis	45
Konsep Rasuah dari Perspektif Fungsionalis	45
Model-model Rasuah dan kaitannya dengan Rasuah Politik	46
Konsep Rasuah Politik dan Aktiviti Politik di Malaysia	48
Aktiviti Parti Politik di Malaysia	50
Rumusan	58

4 METODOLOGI KAJIAN	
Pengenalan dan Reka Bentuk Kajian	59
Kandungan Kertas Siasatan Rasuah Politik dan Temubual Ahli Politik	61
Biodata Ahli Politik	62
Kes Rasuah oleh Ahli Politik	63
Siasatan Kes Rasuah oleh BSN/BPR dan SPRM	65
Pertuduhan di Mahkamah	76
Keputusan Kes dan Rayuan	80
Temubual	83
Rumusan	101
5 ANALISIS KANDUNGAN FAIL KES RASUAH POLITIK DAN TEMUBUAL BERSAMA AHLI POLITIK	
Pendahuluan	103
Profil Tertuduh/Ahli Politik	103
Analisis Kes Rasuah Politik	106
Analisis Temubual Informan	112
Kesimpulan	115
6 KESIMPULAN DAN SARANAN	
Pengenalan	119
Rumusan Kajian	119
Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Mendaratang	121
RUJUKAN	123
LAMPIRAN	133
BIODATA PELAJAR	139

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1 Skor Corruption Perception Index (CPI) Malaysia bagi tahun 2001 sehingga tahun 2012.	4
2 Profil Tertuduh/ Ahli Politik	103
3 Analisis Kes Rasuah Politik	106
4 Kesimpulan Analisis Kaitan Rasuah Politik dengan Ahli Politik dan Parti Politik	117



SENARAI SINGKATAN

SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
AS	Amerika Syarikat
KANU	Kenya Africa National Union
UMNO	United Malay National Organisation
CPI	Corruption Perception Index
FDI	Foreign Direct Investment
EXCO	Ahli Majlis Mesyuarat Negeri
NGO	Badan Bukan Kerajaan
TI	Transparency International
TI-M	Transparecy International Malaysian Chapter
NKRA	National Key Result Area
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
KUS	Kemas Untuk Simpan
BPRTM	Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat
OSA	Akta Rahsia Rasmi
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
PKR	Parti Keadilan Rakyat Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
UNDP	United Nation Development Programme
ICAC	Indipendent Commission Against Corruption
ASPRM	Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
BN	Barisan Nasional
MCA	Malaysian Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
PPP	People's Progressive Party
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
LDP	Parti Liberal Democratic
UPKO	Parti Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu
PRS	Parti Rakyat Sarawak
SUPP	Parti Rakyat Bersatu Sarawak
SPDP	Parti Demokratik Progressive Sarawak
PRM	Parti Rakyat Malaysia
ISA	Internal Security Act
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
ADIL	Pergerakan Keadilan Nasional
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
DAP	Democratic Action Party
IRP	Institutional Revolutionary Party
NEP	New Economic Party
UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia

UIAM	Universiti Islam Antarabangsa
PSI	Parti Sosialis Itali
PSOE	Parti Sosialis Sepanyol
NARC	National Rainbow Coalition
ANC	African National Congress
PDI-P	Partai Demokrasi Indonesia Perjuangan
GOLKAR	Partai Golongan Karya
PAN	Partai Amanat Nasional
MACA	Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia
PIN	Pelan Integriti Nasional
BPR	Badan Pencegah Rasuah
GNP	Gross National Productivity
PRU	Pilihanraya Umum
NAZI	Parti Pekerja Nasional Sosialis Jerman
GLC	Government Link Company
UTAR	Universiti Tunku Abdul Rahman
MIED	Maju Institute of Educational Development
AIMST	Asian Institute of Medicine, Science and Technology
UNCAC	United Nation Convention Against Corruption
IDEAS	International Institute for Democracy and Electoral Assistance
HSBC	Hong Kong and Shang Hai Bank Corporation
BSN	Biro Siasatan Negara
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
TPR	Timbalan Pendakwaraya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab pendahuluan ini membincangkan pengenalan mengenai tajuk kajian. Ia memberikan gambaran mengenai keseluruhan penyelidikan yang meliputi pengenalan yang membincangkan mengenai tajuk kajian, permasalahan kajian, tujuan kajian, skop kajian, kerangka konsepsual, sorotan literatur, kesignifikanan kajian, dan susunan bab.

Sejarah rasuah bermula sejak awal kehidupan manusia bermasyarakat, yakni pada tahap tatkala organisasi kemasyarakatan yang rumit mulai muncul. Manusia diganggu oleh gejala rasuah paling tidak selama beberapa ribu tahun. Intensiti rasuah berbeza-beza pada waktu dan tempat yang berlainan (Syed Hussein Alatas, 1995, p.1).

Daripada nukilan di atas oleh Syed Hussein Alatas, boleh digambarkan mengenai rasuah yang telah menjadi akar di dalam masyarakat dunia sejak ribuan tahun dahulu. Rasuah adalah kesalahan jenayah di semua negara di dunia termasuk Malaysia. Rasuah terdapat dalam pelbagai bentuk dan dilakukan oleh pelbagai jenis orang samada yang ada kuasa, yang berpangkat ataupun rakyat biasa. Di dalam kajian ini, penulis memfokuskan kepada rasuah politik yang melibatkan ahli parti politik di Malaysia.

1.2 Rasuah Politik di Negara Maju

Pada abad ini, satu isu yang menjadi tajuk utama hampir di setiap negara di dunia ialah merujuk kepada rasuah politik. Ia termasuk negara yang dikatakan model demokrasi yang paling sempurna di dunia seperti Amerika Syarikat (AS) dan juga Great Britain. Di AS, kes yang paling diingati ialah bekas Presiden Amerika iaitu Bill Clinton yang telah diselubungi dengan skandal *White water scandal*¹. Ia merujuk kepada bagaimana beliau menerima dana semasa dipilih semula sebagai Presiden bagi

¹Ia merujuk kepada tuduhan penipuan, salahguna kuasa dalam urusan jual beli tanah melibatkan Bill Clinton dan Hillary Clinton semasa beliau menjadi gabenor di Arkansas pada tahun 1978. Beliau bersama isterinya Hillary dan beberapa kenalannya telah membeli 220 ekar tanah di riverfront. Kemudian mereka telah menubuhkan Whitewater Development Corporation. Mereka bercadang untuk membangunkan kawasan pelancongan tetapi setelah mengalami masalah dengan perkongsian perniagaan mereka, syarikat tersebut telah dibubarkan dan menyebabkan Clinton kerugian USD400,000. Antara tohmahan yang dihadapi Clinton ialah dengan menyokong satu penipuan pinjaman persekutuan USD300,000 kepada bekas rakan kongsinya Susuan McDougal sebagai pinjaman yang sebahagiannya disalurkan kepada Whitewater Corporation. Clinton dikatakan telah memberi tekananan kepada syarikat pemberi pinjaman iaitu David Hale supaya meluluskan pinjaman tersebut. Clinton juga dikatakan mengarahkan whitehouse supaya membayar USD 700,000 kepada Webster L. Hubbell iaitu bekas rakan kongsi Hillary supaya menutup mulut mengenai skandal ini (www.washingtonpost.com).

penggal kedua pada tahun 1996. Tidak kurang hebatnya di Great Britain pada zaman pemerintahan parti konservatif di bawah pimpinan John Major yang telah ditohmah mengenai isu *cash for question issue*. Ia mengenai rasuah yang dikatakan berlaku dalam parlimen Britain (Heywood 1997, p.417).

Rasuah politik juga telah digunakan sebagai alat oleh golongan korporat untuk mendapatkan keuntungan yang berlipat kali ganda. Memberikan contoh terbaik seperti di Itali, iaitu rasuah politik yang telah dijadikan satu sistem *systemic corruption*² oleh ahli perniagaan Silvio Berlusconi dimana beliau telah menubuhkan parti politik iaitu *Forza Italia* pada tahun 1993-1994 dan melantik staf-staf beliau sebagai pemimpin parti tersebut. Kemudian setelah dilantik menjadi Perdana Menteri Itali, beliau telah melantik ahli-ahli korporat sebagai menterinya. Dan ini menjadikan pemerintahan beliau di Itali seperti sebuah organisasi korporat yang berteraskan keuntungan. Beliau juga telah dibicarakan di dalam beberapa kes rasuah tetapi dengan kuasanya sebagai Perdana Menteri, beliau telah meluluskan undang-undang menghalang siasatan terhadapnya (Heywood, 1997, p.417- 418).

1.3 Rasuah Politik di Negara Membangun

Di negara membangun, tentu sekali terdapat banyak contoh-contoh kes rasuah politik kerana negara-negara tersebut dikatakan kurang demokratik berbanding negara maju. Salah satu contoh rasuah politik ialah Perdana Menteri Pakistan Benazir Bhutto pada tahun 1996 telah ditohmah dengan rasuah secara besar-besaran di dalam kerajaan beliau (Heywood, 1997, p.417). Ini menyebabkan Presiden Pakistan pada ketika itu iaitu Farooq Leghari telah membuat keputusan untuk memecat Benazir sebagai Perdana Menteri. Juga di Taiwan di mana ketua propaganda parti yang memerintah paling lama di Taiwan iaitu parti Koumintang (KMT), Shi Tai Sheng telah dijatuhan hukuman penjara sepuluh tahun atas kesalahan rasuah pada tahun 2004 (Dafydd Fell, 2005, p.12). Contoh pemimpin Negara yang terlibat dengan rasuah politik ialah Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina dan Khalida Zia yang kedua-duanya telah dipenjarakan kerana rasuah pada tahun 2007-2008. Walaubagaimanapun pada Mei 2010, lima belas pertuduhan ke atas Sheikh Hasina telah digugurkan manakala empat tuduhan ke atas Khalida Zia masih kekal (www.economist.com, 10 Jun 2010).

Manakala di Kenya, ianya berlaku semasa mereka mengamalkan sistem satu parti, rejim pemerintahan di bawah dua Presiden iaitu Moi dan Kenyatta. Mereka telah mengawalkekayaan negara sehingga sistem multi parti diperkenalkan pada 1991. Akan tetapi, rasuah politik telah meningkat setelah sistem multi parti diperkenalkan. Seperti contoh, kerajaan di bawah pemerintahan Moi telah menggunakan syarikat kerajaan untuk mendapatkan dana untuk partinya iaitu Kenya Africa National Union

² Merujuk kepada rasuah yang berpunca daripada kelemahan sistem dan prosedur. Rasuah Sistematis terjadi apabila kerajaan yang dimonopoli oleh seseorang pemimpin atau parti politik yang memanipulasi sistem ekonomi untuk mencipta sewa ekonomi dan ianya telah gunakan untuk mendapatkan kawalan kerajaan. Dalam erti kata lain, politik merosakkan ekonomi. Penawar klasik rasuah sistematik adalah kerajaan yang seimbang (John Joseph Wallis,2004).

(KANU). Beliau telah melantik orang yang tidak kompeten untuk mengurus syarikat tersebut. Kemudian dana-dana tersebut disimpan di dalam bank khas untuk tujuan perbelanjaan pilihanraya. Dana tersebut juga digunakan untuk merasua pesaing politiknya (Mwangi, 2008, p. 3-5).

1.4 Rasuah Politik di Malaysia

Dari zaman Tunku Abdul Rahman Putra sehingga sekarang terdapat banyak kes-kes rasuah yang melibatkan ahli politik di Malaysia. Ini diakui sendiri oleh ahli-ahli politik yang masih aktif atau yang telah bersara. Seperti contoh ‘politik wang’³ yang telah digembar-gemburkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Dr.Mahathir Mohamad sejak tahun 1984. Beliau menyatakan:

Practically everyone who was elected to the (UMNO) Supreme Council in 2009 won because they used money. So you can say that UMNO central committee is actually made up of corrupt people (Fernandez, 2010, p.66).

Beliau juga menyatakan:

In 2006, somebody told me that I should try to become a delegate (to the UMNO general assembly. So I stood (in my party division) to become one of the delegates. I lost. Because UMNO headquarters sent money to pay all those people not to vote for me (Fernandez, 2010, p.67).

Daripada temubual di atas kita boleh mendapat gambaran mengenai situasi rasuah politik di Malaysia. Menurut Heywood (1997) lagi, seperti juga di negara-negara lain, parti politik yang memegang tumpukan pemerintahan dalam jangkamasa yang lama akan tidak dapat lari daripada masalah rasuah politik. Oleh itu, parti UMNO yang menjadi tunjang kepada Barisan Nasional telah menjadi pemerintah sejak tahun kemerdekaan Malaysia juga tidak terlepas dengan masalah ini.

Rasuah politik di Malaysia menjadi satu isu yang sensasi sejak akhir-akhir ini. Aktor-aktor politik daripada parti-parti politik di Malaysia telah menjadi bahan utama dan menjadi perhatian seluruh rakyat di Malaysia. Di dalam kajian ini, pengkaji membincangkan kes-kes rasuah politik yang telah menggonggong lanskap politik Malaysia. Antara contoh kes rasuah politik yang terkenal adalah seperti dua kes rasuah melibatkan bekas Menteri Besar Selangor iaitu Dato’ Harun bin Idris pada tahun 1978 dan Dato’ Seri Dr. Mohamad Khir Toyo pada tahun 1998. Contoh kes rasuah yang telah membawa angin perubahan kepada lanskap politik negara ialah merujuk kepada kes rasuah melibatkan bekas Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1997.

³Ia merujuk kepada istilah rasuah politik yang melibatkan perbuatan rasuah seperti pembelian undi, salah guna kuasa dan pelesapan wang. Ia telah dipopularkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-empat Tun Dr. Mohamad menjelang akhir pentadbirannya. Penjelasan lanjut di bab III.

1.5 Permasalahan Kajian

Rasuah yang berleluasa dan persepsi masyarakat terhadap parti politik yang mengamalkan rasuah telah menyebabkan skor Corruption Perception Index (CPI)⁴ terus menurun dari tahun ke tahun. Ini akan memberikan impak negatif ke atas negara dari berbagai-bagi segi seperti kelembapan ekonomi, penurunan kadar Foreign Direct Investment (FDI), imej buruk di luar negara, keruntuhan etika dan moral, dan meningkatkan jenayah kolar putih di dalam negara. Justeru itu, kajian ini adalah penting untuk mencari kaitan dan sebab mengapa indeks rasuah terus menurun dengan menganalisis kertas siasatan rasuah terutamanya rasuah politik di Malaysia.

Tahun	Kedudukan	Mata CPI	Jumlah Negara
2001	36	5.0	91
2002	33	4.9	102
2003	37	5.2	133
2004	39	5.0	146
2005	39	5.1	159
2006	44	5.0	163
2007	43	5.1	179
2008	47	5.1	180
2009	56	4.5	180
2010	56	4.4	178
2011	60	4.3	178
2012	54	4.9	174

Sumber: Transparency International Malaysian Chapter
(<http://transparency.org.my/what-we-do/indexes/corruption-perceptions>)

Daripada carta di atas boleh dilihat dengan jelas Skor CPI Malaysia yang dalam keadaan yang tidak menentu. Walaupun daripada tahun 2001 sehingga 2008 ianya dilihat stabil dengan skor CPI diantara 4.9 sehingga 5.1 tetapi pada tahun 2008 sehingga 2011 ianya menunjukkan penurunan yang mendadak. Skor CPI Malaysia yang paling rendah ialah pada tahun 2011. Ianya dilihat sedikit sebanyak terpalit dengan skandal-skandal rasuah di Malaysia pada tahun-tahun tersebut seperti kes rasuah yang melibatkan Dr. Mohamad Khir Toyo yang merupakan bekas Menteri Besar Selangor dan juga kejadian tragis yang melibatkan pembantu kepada EXCO Selangor iaitu Teoh Beng Hock yang ditemui mati berhampiran pejabat SPRM Selangor pada tahun 2009.

⁴ CPI merujuk kepada skor indeks persepsi rasuah yang diambil daripada tinjauan pendapat yang dijalankan Transparency International (TI) dimana ianya melibatkan pendapat oleh ahli ekspert, golongan penganalisis dan golongan ahli perniagaan di dalam sesebuah negara mengenai realiti rasuah di negara terbabit mengikut tahun. Sebelum tahun 2012, skala digunakan ialah 0 sangat rasuah dan 100 sangat bersih, tetapi mulai 2012, skalanya telah diubah menjadi 0 sangat rasuah dan 10 sangat bersih. (www.transparency.org).

Walaupun banyak usaha-usaha kerajaan untuk membendung gejala rasuah di Malaysia, tetapi skor indeks persepsi rasuah di Malaysia terus menurun. Ianya dilihat banyak dipengaruhi oleh kes-kes rasuah politik yang disifatkan oleh orang ramai gagal ditangani oleh pihak bertanggungjawab seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Peguam Negara untuk mendakwa ahli-ahli politik yang dikatakan terlibat dengan rasuah. Istilah ‘ikan bilis’ dan ‘jerung’ seringkali diperkatakan oleh orang ramai yang dipengaruhi oleh isu yang dimainkan oleh pihak pembangkang. Faktor kekalahan kes rasuah yang melibatkan ahli politik dan tokoh perniagaan seperti Tan Sri Kasitah Gadam, mendiang Tan Sri Eric Chia, Dato’ Sharif Jajang, dan Dato’ Wasli Mohd Said dan lain-lain juga memberikan kesan kepada persepsi buruk kepada masyarakat dan menyebabkan skor mata CPI jatuh dari tahun ke setahun. Pun begitu, ada pendapat yang mengatakan bahawa skor CPI yang menurun tidak menujukkan gambaran sebenar amalan rasuah yang berlaku di Malaysia. Hujah ini dilihat ada kekuatan dan kelebihannya. Menurut SPPM, Skor CPI adalah merupakan indeks persepsi rasuah yang telah dikeluarkan oleh Transparency International (TI), sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Berlin, Jerman sejak dari tahun 1995.

Indeks ini hanya mengkhususkan kepada isu persepsi tahap rasuah sesebuah negara di mana kedudukan sesebuah negara akan disenaraikan mengikut skor yang diperoleh dan bukannya berdasarkan realiti sebenar tahap rasuah di negara terbabit. CPI dikeluarkan berdasarkan pengumpulan kajian-kajian oleh pelbagai pihak, terutamanya berdasarkan soal selidik yang dijalankan ke atas ahli-ahli perniagaan luar negara dengan penekanan diberi kepada elemen rasuah. Oleh itu ianya menimbulkan banyak persoalan adakah kajian-kajian tersebut benar-benar menggambarkan insiden rasuah yang berlaku di Malaysia? Manakala dari sudut yang lain, skor CPI ini dilihat mempunyai kelebihannya tersendiri. Menurut Transparency International-Malaysian Chapter (TI-M), walaupun ianya tidak seratus peratus menggambarkan keadaan rasuah di Malaysia, tetapi hakikatnya skor ini harus diberikan perhatian kerana ianya merupakan panduan kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia. Secara tak langsung, turun naik, skor CPI akan menentukan juga turun naik pelaburan asing di Malaysia. Ditambah pula dengan isu politik wang yang terus menular di kalangan parti politik Malaysia khususnya UMNO. Memandangkan UMNO merupakan parti tunjang di dalam BN di mana presiden UMNO akan dilantik sebagai Perdana Menteri, maka apakah nasib negara ini sekiranya presiden UMNO yang dilantik tersebut mengamalkan politik wang? Ini menunjukkan betapa pentingnya untuk kita mengupas masalah ini sedalam-dalamnya bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku.

Justeru itu, penyelidikan dijalankan bagi merungkai beberapa persoalan yang timbul daripada isu rasuah politik di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang hendak diselidiki berkaitan dengan insiden-insiden rasuah politik di Malaysia. Persoalan pertama yang perlu dijawab adalah apakah punca rasuah politik di Malaysia? Adakah ianya mempunyai kaitan di antara aktiviti politik dan ahli politik? Persoalan ini penting untuk dikaji kerana isu rasuah yang melibatkan ahli parti politik dan aktiviti politik mereka memberikan kesan besar kepada lanskap politik di Malaysia. Ia juga memberikan kesan ke atas kestabilan politik, ekonomi dan

sosial negara. Persoalan ini dilihat amat penting untuk dijawab kerana menurut TI-M, pada tahun 2009, kajian oleh TI di 69 negara yang melibatkan 73,000 responden menunjukkan bahawa sebanyak 42 peratus daripada mereka memilih parti politik sebagai institusi yang paling korup diikuti oleh institusi kerajaan sebanyak 37 peratus (www.transparency.org.my, 3 Jun 2009). Sehubungan itu, muncul persoalan yang perlu dijawab iaitu apakah rasuah politik di Malaysia mempunyai kaitan dengan aktiviti politik?

Persoalan kedua ialah apakah faktor yang menyebabkan ahli politik melibatkan diri dalam insiden rasuah? Adakah ianya disebabkan faktor keperluan wang yang dijadikan wang politik untuk membayai aktiviti politik atau wang politik yang digunakan untuk tujuan peribadi? Adakah pendanaan parti politik menyebabkan rasuah politik berlaku? Kedua-dua faktor utama ini penting untuk dikaji kerana sehingga kini, tiada undang-undang yang khusus di Malaysia yang mampu mengawal penggunaan wang politik yang semakin tidak terkawal. Jika dilihat negara membangun di Afrika seperti Kenya telah meluluskan Akta Parti Politik 2007 dan ditandatangani oleh Presiden Kenya iaitu Mwai Kibaki (Mwangi, 2008). Di mana akta ini akan mengawal pendanaan parti politik dan akan memperkenalkan pendanaan parti politik oleh kerajaan. Ianya dilihat bagi mengawal pendanaan parti politik yang tidak terkawal seperti menggunakan dana asing, dana rahsia dan dana yang diseleweng (Mwangi, 2008). Oleh itu telah tiba masanya negara Malaysia mengorak langkah yang sama untuk meluluskan Akta Parti Politik yang dilihat mampu mengawal parti politik daripada teribat dengan rasuah politik.

Akhirnya, persoalan ketiga yang perlu dikaji apakah cadangan-cadangan yang sesuai untuk menangani masalah rasuah politik di Malaysia? Perbincangan mengenai usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dan program transformasi yang diperkenalkan bagi menentang amalan rasuah di Malaysia seperti National Key Result Area (NKRA) rasuah. Ia akan menerbitkan cadangan bagaimana untuk menghapuskan atau mengurangkan rasuah politik yang melibatkan ahli politik di Malaysia. Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri telah memberikan cadangan dengan merujuk peranan masyarakat untuk memerangi rasuah. Beliau menyatakan persepsi masyarakat terhadap rasuah seperti menganggap rasuah merupakan jenayah yang tidak seteruk rogol, bunuh, dan rompak harus diubah. Ini kerana beliau berhujah bahawa rasuah merupakan jenayah di dalam jenayah. Ini kerana penjenayah rogol, bunuh dan rompak mampu membeli undang-undang jika amalan rasuah berleluasa (Abu Kassim Mohamed, et.al, 2010).

Penyelidikan ini menumpukan perhatian kepada rasuah politik di Malaysia dengan melihat kaitan diantara aktiviti politik dan rasuah politik, faktor-faktor yang mempengaruhinya dan cadangan yang dibangunkan untuk menangani masalah rasuah politik di Malaysia. Sesuai dengan fokusnya, maka andaian yang dibangun dalam tesis ini adalah ahli politik dan aktiviti politik mempunyai kaitan dengan rasuah politik di dalam proses pendanaan parti politik dan pembiayaan politik.

1.6 Tujuan Kajian

Kajian ini menyelidiki kes rasuah politik di Malaysia. Oleh itu, isu penting yang menjadi fokus utama tesis ini adalah untuk mengkaji kaitan aktiviti politik dan ahli politik dengan insiden rasuah politik yang berlaku di Malaysia, faktor-faktor membuatkan ahli politik terlibat di dalam amalan rasuah politik dan cadangan-cadangan untuk menangani masalah rasuah politik di Malaysia.

Secara lebih khusus, seperti diuraikan sebelumnya, terdapat tiga persoalan penelitian yang diselidiki di dalam tesis ini ialah:

- 1) Bagaimana bentuk insiden rasuah politik dan apakah kaitannya dengan aktiviti politik dan ahli politik di Malaysia?
- 2) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ahli politik di dalam insiden rasuah politik di Malaysia?
- 3) Apakah cadangan-cadangan yang sesuai dan efektif untuk menangani masalah rasuah politik di Malaysia?

Kesemua persoalan di atas berpaksikan kepada sebuah andaian bahawa parti politik dan ahli politik yang memerlukan pendanaan dan pembiayaan wang politik yang menyebabkan berlakunya rasuah politik di Malaysia. Maka, tujuan kajian adalah seperti berikut:

- 1) Menganalisis insiden rasuah politik dan kaitannya dengan aktiviti politik dan ahli politik di Malaysia
- 2) Mengkaji faktor-faktor penglibatan ahli politik di dalam rasuah politik di Malaysia.
- 3) Membincangkan cadangan-cadangan yang sesuai dan efektif untuk menangani masalah rasuah politik di Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Rasuah adalah bersifat universal kerana masalah ini berlaku di mana-mana sahaja di dunia ini dan dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Namun kajian ini adalah dibataskan hanya untuk mengkaji dan menganalisis mengenai insiden rasuah politik di Malaysia yang melibatkan ahli politik dan aktiviti politik. Dengan mengkaji insiden rasuah tersebut dengan secara tidak langsung akan menunjukkan punca kepada rasuah politik yang berlaku di Malaysia. Ini kerana telah banyak kajian mengenai rasuah telah dijalankan tetapi tiada yang memberikan fokus kepada aktiviti ahli politik. Justeru itu kajian ini akan mengisi kekosongan tersebut. Kajian ilmiah yang ditulis mengenai rasuah di Malaysia kebanyakannya memberikan fokus kepada pegawai badan awam seperti (Jarita Duasa, 2006) yang mengkaji mengenai punca rasuah oleh kakitangan kerajaan di Malaysia, (Mohamad Hafiz Ishak, 2011) yang membuat kajian mengenai insiden rasuah di dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), (Zamal

Abdul Rahman, 2011) pula mengkaji rasuah di kalangan kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor. Kajian mengenai ahli politik dan aktiviti politik dilihat penting kerana jika pemimpin politik terlibat dengan rasuah politik, ianya sedikit sebanyak akan memberikan persepsi negatif kepada masyarakat. Seterusnya skor CPI yang menunjukkan persepsi rasuah negara akan menyebabkan skor CPI negara akan jatuh. Akibatnya, pelaburan asing akan merudum dan sekaligus menyebabkan kelembapan ekonomi negara. Ini dibuktikan dengan banyak kajian tentang rasuah dan kaitannya dengan ekonomi yang menunjukkan bahawa rasuah memberikan kesan buruk terhadap ekonomi sesebuah negara (Kaufmann et.al, 1999; Mauro, 1995; Perry dan Burki, 1998).

Manakala kajian ini menggunakan fail kertas siasatan rasuah politik yang terpilih dianalisis daripada kertas siasatan SPRM. Pengkaji tidak menetapkan tempoh insiden rasuah politik tersebut berlaku kerana atas pertimbangan berikut: Pertama, kes siasatan rasuah politik terkini seperti kes Dr. Mohamad Khir Toyo bekas Menteri Besar Selangor dan Dato' Abdul Rahman Bakri yang telah dituduh dan didapati bersalah oleh mahkamah tidak dapat digunakan untuk dianalisis. Ini disebabkan oleh kekangan seperti kes tersebut masih di peringkat rayuan di Mahkamah Rayuan dan pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan tiada keputusan muktamad di dalam hal ini. Kedua, kes-kes rasuah yang melibatkan ahli politik yang telah ada keputusan muktamad daripada mahkamah dan telah dikemas untuk simpan (KUS) oleh Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM) SPRM sahaja boleh digunakan untuk dianalisis. Perkara ini disebabkan untuk mengelakkan isu-isu berbangkit kerana ianya berhubung kait dengan keselamatan dokumen terperingkat dan melibatkan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Ketiga, insiden rasuah politik yang melibatkan ahli politik yang dituduh di mahkamah adalah jarang dan tidak begitu banyak. Oleh yang demikian, tiada pilihan selain daripada memilih insiden rasuah politik yang telah di KUS oleh BPRTM SPRM yang melibatkan parti politik dan ahli parti politik di Malaysia.

Ahli politik yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah ahli politik yang telah memenangi pilihan raya dan telah menjadi wakil rakyat iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen Malaysia. Manakala parti politik merujuk kepada parti-parti politik yang berdaftar di Malaysia seperti United Malays National Organisation (UMNO), dan Parti Bersatu Sabah (PBS). Parti politik tersebut dipilih berdasarkan insiden rasuah yang membabitkan ahli dan pemimpin parti-parti tersebut yang dibincangkan dan dianalisis di dalam tesis ini.

Merujuk kepadauraian skop kajian di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa skop kajian ini melibatkan kes rasuah politik yang membabitkan ahli politik yang telah memenangi pilihan raya dan dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen dan mewakili parti-parti politik di Malaysia seperti UMNO dan PBS. Insiden kes rasuah tersebut juga dipilih secara rawak berdasarkan kondisi yang tertentu seperti kes rasuah tersebut melibatkan ahli politik yang mewakili parti politik di Malaysia dan kes rasuahnya telah dimuktamadkan di mahkamah dan kertas siasatan tersebut telah di KUS di BPRTM, SPRM ibu pejabat, Putrajaya.

1.8 Definisi Konsep

1.8.1 Rasuah

Rasuah berasal dari bahasa Arab *risyawah* yang bermaksud sogokan atau pujuhan. Pelbagai ungkapan kata yang merujuk kepada rasuah di dalam Bahasa Melayu seperti makan suap, duit kopi, pelincir dan sebagainya. Menurut kamus dewan, rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menuap), wang tumbuk rusuk (sogok, suap). Manakala menurut United Nation Development Program (UNDP) pula memberikan maksud rasuah sebagai *the misuse of public power, office or authority for private benefit-through bribery, extortion, influence peddling, nepotism, fraud, speed money or embezzlement* (United Nations handbook on practical anti-corruption measures for prosecutors and investigators, p. 23, 2004).

Rasuah secara umumnya telah diketahui sebagai satu jenis jenayah yang selalunya melibatkan golongan kolar putih. Rasuah telah dilihat sebagai satu perkara yang jijik dan tidak boleh diterima oleh masyarakat dunia secara amnya. Tetapi ianya bergantung kepada bagaimana seseorang individu atau masyarakat di sesebuah negara menafsirkan maksud rasuah itu sendiri. (Syed Hussein Al-Attas, 1995, p.viii) telah mendefinisikan rasuah sebagai penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Ciri-ciri rasuah yang adalah seperti berikut:

- i. Satu pengkhianatan terhadap kepercayaan.
- ii. Penipuan terhadap badan pemerintah, lembaga swasta atau masyarakat umum.
- iii. Dengan sengaja melalaikan kepentingan umum untuk kepentingan khusus.
- iv. Dilakukan dengan rahsia, kecuali dalam keadaan di mana orang-orang yang berkuasa atau bawahannya menganggap tidak perlu.
- v. Melibatkan lebih dari satu orang atau pihak.
- vi. Adanya kewajipan dan keuntungan bersama dalam bentuk wang atau yang lain.
- vii. Terpusatnya kegiatan (rasuah) pada mereka yang mengkehendaki keputusan yang pasti dan mereka yang dapat mempengaruhinya dan usaha untuk menutup perbuatan rasuah dalam bentuk-bentuk pengesahaan hukum; dan;
- viii. Menunjukkan fungsi ganda yang kontradiktif pada mereka yang melakukan rasuah.

Menurut Heywood (1997), terdapat beberapa pendapat tentang definisi rasuah politik. Bagi beliau, rasuah politik adalah berbeza dengan rasuah secara amnya kerana ia merujuk kepada ahli politik yang mengamalkan rasuah di dalam sektor awam. Tetapi ia juga merujuk kepada rasuah yang diamalkan oleh ahli politik dengan mendapatkan sumber dengan menggunakan akses istimewa mereka samada di sektor awam atau sektor swasta. Beliau juga berpendapat, adalah sukar untuk membangunkan definisi rasuah politik yang solid dan tidak boleh disangkal. Oleh itu, menurut (Heywood, 1997) definisi rasuah politik adalah berbeza dan berubah-ubah mengikut sistem politik setiap negara. Seperti contoh, setiap perkara yang salah disisi undang-undang adalah berbeza mengikut sistem perundangan negara terbabit. Contoh terbaik ialah

pendanaan parti politik. Undang-undang kewangan parti politik di dalam sesebuah negara adalah lebih ketat berbanding negara lain.

Menurut sarjana sains politik yang mengkaji rasuah politik yang terkenal iaitu (Heidenheimer, 1989, p.4-7), definisi rasuah politik dibahagikan dengan tiga jenis iaitu *public office centered*, *public interest centered*, dan *market-interest centered*. Menurut beliau lagi, definisi dengan menggunakan pendekatan *market-interest centered* adalah lebih jelas dan tersurat iaitu rasuah politik berlaku apabila ejen melanggar undang-undang dengan mengorbankan kepentingan prinsipalnya semata-mata untuk faedah dirinya. Manakala menurut (Nye, 1989) telah menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang konsep *public office centered*. Menurutnya, rasuah ialah tingkah laku yang telah lari daripada tugas formal seseorang pegawai awam itu kerana sebab-sebab kepentingan peribadi, keluarga terdekat, dan kawan. Tingkah laku rasuah menurut (Nye, 1989) ialah menggunakan ganjaran untuk memesongkan pertimbangan seseorang yang telah diamanahkan dengan sesuatu.

Rasuah politik juga boleh didefinisikan dengan menggunakan pendekatan sosial. Ia merujuk rasuah politik sebagai persepsi sebagaimana ia sepatutnya diterima oleh masyarakat di sesebuah negara. Menurut (Heidenheimer, 1989) lagi, rasuah boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu: rasuah jenis yang boleh diterima, rasuah jenis yang tidak boleh diterima dan dikritik. Jenis ketiga ialah jenis rasuah yang berada ditengah-tengah yang mendapat reaksi yang berbeza daripada kumpulan yang berlainan.(M.Mcmullan, 1961) pula memberikan definisi rasuah sebagai pegawai awam adalah seorang yang korup sekiranya beliau menerima wang atau wang kerana melakukan sesuatu yang sepatutnya adalah tugas hakikinya atau tidak melakukan atau melakukan sesuatu budi bicara yang tidak sepatutnya.

Menurut Syed Hussein Al-Attas, (2002, p.x), rasuah bermaksud salah guna kepercayaan demi kepentingan faedah peribadi. Beliau juga membahagikan rasuah kepada tujuh jenis iaitu rasuah transaktif (*transactive*), rasuah pemerasan (*extortive*), rasuah invensif (*invasive*), rasuah perkerabatan (*nepotistic*), rasuah defensif (*defensive*), rasuah dukungan (*supportive*). Rasuah transaktif merujuk kepada perjanjian bersama timbal balik diantara pemberi dan penerima yang masing-masing aktif berusaha untuk mengejar sesuatu kepentingan dan keuntungan bersama. Rasuah jenis ini biasanya dilihat melibatkan pengusaha-pengusaha, ahli perniagaan dengan pemerintah, atau masyarakat dengan pemerintah. Jenis yang memeras adalah rasuah di mana pemberi dipaksa untuk memberikan rasuah kepada penerima supaya untuk mencegah kerugian yang sedang mengancam dirinya, kepentingannya atau hal-hal yang berkaitan dengannya. Rasuah defensif adalah rasuah yang dilakukan untuk mempertahankan dirinya. Seperti contoh memberikan rasuah kepada anggota polis untuk mengelakkan diri seseorang dari ditangkap. Rasuah invensif pula merujuk kepada pemberian barang atau jasa tanpa ada pertalian langsung dengan keuntungan tertentu, selain keuntungan yang dibayangkan akan diperoleh di masa akan datang. Rasuah pengkerabatan atau nepotisme merujuk kepada apa-apa tindakan yang memberikan atau mengutamakan sanak saudara di dalam pemberian jawatan, wang dan lain-lain yang bertentangan dengan norma dan peraturan yang berlaku. Akhir

sekali rasuah dokongan merujuk kepada jenis rasuah yang tidak melibatkan wang atau imbalan langsung. Tetapi lebih kepada tindakan untuk melindungi dan memperkuat rasuah yang sudah ada.

Mark Philip (1997, p.441) pula telah berhujah bahawa untuk memahami dengan lebih jelas maksud rasuah politik, seseorang hendaklah memahami dan mengambil kira beberapa aspek iaitu: Pertama, pendapat orang ramai mengenai rasuah politik, kedua, norma undang-undang sesebuah negara dan ketiga merujuk kepada standard yang diperolehi daripada sistem demokrasi Barat. Pendapat orang ramai adalah elemen penting di dalam memahami rasuah politik. Ini kerana norma masyarakat kadangkala berbeza dengan apa yang apa yang ditekankan oleh pihak kerajaan. Seperti contoh, di dalam masyarakat ada yang memahami pemberian hadiah dan komisen adalah sesuatu yang normal untuk dilakukan. Tetapi menurut undang-undang sesebuah negara ianya adalah satu kesalahan rasuah.

Kedua, merujuk kepada norma undang-undang sesebuah negara. Ia merujuk kepada undang-undang yang telah mendefinisikan sesuatu tindakan sebagai perbuatan rasuah atau pun tidak. Seperti ahli politik dan penjawat awam, setiap perbuatan mereka akan diadili oleh persepsi rakyat. Contoh seperti perbuatan menerima wang untuk bertanyakan soalan di parlimen adalah perbuatan yang dilihat sebagai rasuah oleh umum, tetapi mungkin di sesetengah negara undang-undang mereka mungkin tidak menyeluruh dengan memasukkan tindakan tersebut sebagai rasuah. Ini kerana undang-undang tersebut telah digubal oleh ahli-ahli politik itu sendiri. Walaubagaimanapun, menurut Mark Philips (1997) lagi, sesuatu perbuatan yang sah di sisi undang-undang tidak semestinya ianya sentiasa tidak rasuah.

Ketiga, ianya merujuk kepada standard rasuah yang merujuk kepada sistem demokrasi barat. Di kebanyakaan negara-negara barat, mereka menerima definisi rasuah sebagaimana yang dinyatakan oleh Nye (1989) iaitu ‘menggunakan ganjaran untuk memesangkan pertimbangan seseorang yang telah diamanahkan dengan sesuatu. Tetapi di dalam budaya barat yang berbeza-beza, pemahaman rasuah juga akan menjadi berbeza-beza. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘ganjaran’, dan apakah yang dimaksudkan dengan amanah? Kadangkala ia boleh diterima oleh masyarakat, tetapi ia akan menjadi masalah jika budaya masyarakat yang sedia tahu tentang konsep rasuah dan melihatnya sebagai sesuatu yang tidak salah. Oleh itu, bagi Mark Philips (1997), untuk memberikan definisi rasuah politik hendaklah berhati-hati dengan mengambil kira faktor-faktor di atas. Ini kerana mengambil kira cadangan Indipendent Comission Against Corruption (ICAC) New South Wales berkenaan dengan kes Tony Metherall⁵:

⁵ Tony Metherall merupakan Ahli Parlimen yang mewakili Parti Liberal di New South Wales. Pada 1991 Parti Liberal yang diketuai oleh Nick Greiner telah memenangi pilihan raya tetapi dengan hanya kelebihan tiga kerusi parliment. Pada masa yang sama terdapat empat kerusi yang diwakili oleh Ahli Parlimen bebas. Kemudian Metherall telah keluar daripada Parti Liberal dan menjadi ahli parliment bebas. Dan selepas kekalahan pilihanraya kecil, telah menjadikan bilangan kerusi yang sama diantara Liberal sebanyak 49 kerusi dan Buruh juga sebanyak 49 kerusi. Ini menyebabkan Greiner telah berbincang secara sulit dengan Metherall dan hasilnya Metherall telah meletakkan jawatan

It must be said that what is ‘corrupt’, i.e the wrongful exercise of public duty in any community, will depend on what the correct duty is determined to be. That will influenced by cultural issues and acceptable behavioural standards within community. There may be behavior that ‘is right’ in one country and ‘wrong in another. The very first step must be always to determine and cleary signpost the standards of behavior that are required to be observed by public officials.(dlm Mark Philip1997, p.439-440).

Dari segi istilah bahasa, rasuah merupakan satu jenayah atau kesalahan undang-undang di mana seseorang mendapat kebebasan, kontrak atau keistimewaan (favours) dari pihak berkuasa atau sesebuah syarikat selepas memberi wang, hadiah, keraian kepada pihak-pihak tersebut (Karunanity, 2010). Justeru itu, dalam memahami konsep rasuah politik di Malaysia, undang-undang yang telah diluluskan oleh kerajaan Malaysia akan menjadi panduan kepada berlakunya kesalahan rasuah atau pun tidak di Malaysia. Daripadanya kita boleh mengetahui dengan lebih lanjut pertanyaan seperti, apakah yang dikatakan rasuah? Apakah yang bukan rasuah? Apakah ciri-ciri rasuah? Apakah takrifan rasuah menurut undang-undang? Dan apakah kesalahan dan hukuman jenayah rasuah? Oleh itu, memahami dan mengetahui elemen-elemen kesalahan di dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 adalah penting untuk dibincangkan. Menerusi definisi operasional ini, kita akan dapat mengetahui bagaimanakah seseorang itu secara umumnya dan ahli politik secara khususnya dikatakan telah terlibat atau telah melakukan kesalahan rasuah di Malaysia.

Merujuk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) ada dinyatakan kesalahan rasuah yang dilakukan oleh “mana-mana orang” di sini ianya bermaksud mana-mana individu yang bukan pegawai badan awam. “ejen” atau “pegawai badan awam” merujuk kepada kakitangan kerajaan yang dilantik samada secara langsung ataupun tidak. Merujuk kepada Seksyen 3 (ASPRM) 2009 iaitu Tafsiran; ‘suapan’ ertinya-

- i. wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- ii. apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikann perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- iii. apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, samada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- iv. apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

sebagai ahli parlimen. Kemudian pada hari yang sama beliau telah dilantik oleh Greiner sebagai salah seorang pegawai kanan kerajaan. Isu ini telah diperbesarkan oleh pembangunan dan menyebabkan ICAC menyiasat dakwaan wujudnya unsur rasuah di dalam tindakan itu.(Mark Philip,1997).

- v. apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- vi. apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- vii. apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

‘Pegawai badan awam’ ertiannya mana-mana orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam, dan termasuklah anggota pentadbiran, ahli Parlimen, ahli sesuatu Dewan Undangan Negeri, hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, atau Mahkamah Persekutuan, dan mana-mana orang yang menerima apa-apa saraan daripada wang awam, dan, jika badan awam itu ialah suatu perbadanan seorang, termasuklah orang yang diperbadankan sebagai perbadanan itu.

Manakala maksud ‘ejen’ ertiinya mana-mana oraang yang diambil kerja oleh atau bertindak bagi seorang lain, dan termasuklah pegawai badan awam atau yang berkhidmat dalam atau di bawah mana-mana badan awam, pemegang amanah, pentadbir atau wasi pusaka seseorang yang sudah mati, subkontraktor, dan mana-mana orang yang diambil kerja oleh atau yang bertindak bagi pemegang amanah, pentadbir wasi, atau subkontraktor itu.

Di dalam kajian ini pengkaji merujuk kepada definisi rasuah politik yang dinyatakan oleh Heywood (1997), Nye (1989), Mark Philip (1997) dan M. Macmullan (1961) yang secara keseluruhannya bersetuju untuk merujuk rasuah politik sebagai pegawai badan awam yang telah diamanahkan dengan sesuatu tugas tetapi telah dipesongkan dengan ganjaran iaitu merujuk kepada suapan atau rasuah. Pengkaji berpendapat jika dilihat dengan maksud pegawai badan awam dan ejen di dalam Seksyen 3 ASPRM 2009, rasuah politik di Malaysia adalah merujuk kepada mana-mana pegawai badan awam yang telah melakukan kesalahaan di bawah Seksyen 17 (a),(b), Seksyen 18, Seksyen 21, dan Seksyen 23. Lantaran itu, di dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk membuat kajian ke atas ahli politik yang terlibat dengan rasuah politik di Malaysia. Ini kerana ahli politik yang memenangi pilihanraya dan dilantik sebagai pegawai badan awam adalah selari dengan maksud atau erti pegawai badan awam di dalam Seksyen 3 ASPRM 2009 iaitu tafsiran pegawai badan awam yang meliputi Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Pengkaji akan memberikan fokus kepada ahli politik daripada parti-parti politik di Malaysia yang terlibat dengan rasuah dari tahun 2001 sehingga 2011.

Di dalam menerangkan konsep rasuah politik di Malaysia, rasuah politik bermaksud pegawai badan awam/ahli politik yang telah melakukan kesalahan-kesalahan yang

termaktub di dalam ASPRM 2009 dan Kesalahan ditetapkan di dalam Akta Kanun Keseksaan. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

Seksyen 17 ASPRM 2009 iaitu kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen. Seseorang melakukan kesalahan jika-

- a) Sebagai seorang ejen, dia secara rasuah rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, dari mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai satu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentang kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya; atau
- b) Dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa orang perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentang kepada mana-mana berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.

Seksyen 18 ASPRM 2009 Kesalahan dengan maksud memperdayakan prinsip oleh ejen:

Seseorang melakukan kesalahan jika dia memberikan seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen dia menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang berkenaan dengan prinsipal itu mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mepercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap atau tidak lengkap tentang apa-apa butir matan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.

Seksyen 20 ASPRM 2009 Penyogokan pegawai badan awam:

Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau, sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima apa-apa suapan sebagai satu dorongan atau upah supaya-

- i. Pegawai itu mengundi atau tidak mengundi dalam mana-mana mesyuarat badan awam itu bagi menyokong atau menentang apa-apa langkah, ketetapan atau soal yang dikemukakan kepada badan awam itu;
- ii. Pegawai itu melaksanakan atau tidak melaksanakan atau membantu dalam mendapatkan, mencepatkan, melambatkan, merintangi atau menghalang pelaksanaan, apa-apa perbuatan rasmi;
- iii. Pegawai itu membantu dalam mendapatkan atau menghalangkan pelulusan apa-apa undi atau pemberian apa-apa kontrak atau faedah untuk mana-mana orang; atau

- iv. Pegawai itu memberikan atau tidak memberikan apa-apa sokongan atau tentangan atas sifatnya sebagai pegawai sedemikian;

Melakukan kesalahan, walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang demikian atau untuk tidak memberikan yang demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, untuk memberikan yang demikian atau untuk tidak memberikan yang demikian, atau telah tidak sebenarnya berbuat demikian, memberikan yang demikian atau tidak memberikan yang demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan dengan hal ehwal badan awam itu.

Seksyen 23 ASPRM 2009 Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan:

Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan.

Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, samada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, apabila dia berbuat apa-apa keputusan , atau mengambil apa-apa tindakan, berhubung dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana-mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, samada secara langsung atau tidak langsung.

Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisyiharkan bahawa, bagi maksud subseksyen (1), mana-mana anggota pentadbiran sesuatu negeri hendaklah disifatkan telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk suapan jika dia bertindak bertentangan sengan subseksyen 2(8) Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan atau peruntukan yang bersamaan dalam Perlembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri itu.

Seksyen ini tidaklah terpakai bagi seseorang pegawai yang memegang jawatan dalam sesuatu badan awam sebagai wakil suatu badan awam lain yang mempunyai kawalan atau kawalan separa atas badan awam yang mula-mula disebut itu berkenaan dengan apa-apa perkara atau benda yang dilakukan atas sifatnya sebagai wakil sedemikian bagi kepentingan atau faedah badan awam yang satu lagi itu.

Kesalahan rasuah oleh penjawat awam juga terdapat di dalam Akta Kanun Keseksaan (Akta 574) iaitu kesalahan ditetapkan seperti berikut:

- i. Seksyen 161 iaitu Penjawat awam menerima suapan kecuali bayaran di sisi undang-undang berkenaan dengan sesuatu perbuatan rasmi.
- ii. Seksyen 162 iaitu Menerima suapan dengan cara tak jujur atau menyalahi undang-undang bagi mempengaruhi seseorang penjawat awam.
- iii. Seksyen 163 iaitu Menerima suapan bagi menjalankan pengaruh peribadi atas seseorang penjawat awam.

- iv. Seksyen 164 iaitu Seksaan bagi penjawat awam kerana menyubahati kesalahan yang ditakrifkan di atas.
- v. Seksyen 165 iaitu Penjawat awam menerima benda yang berharga, dengan tiada balasan, daripada orang yang ada kena mengena dalam apa-apa perbicaraan atau urusan yang dijalankan oleh penjawat awam itu.

Justeru itu, rasuah politik di sini bermaksud ,mana-mana pegawai awam atau ahli politik yang dilantik sebagai pegawai awam termasuk Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri yang merupakan ahli politik daripada parti yang telah memenangi pilihanraya sebagaimana erti pegawai badan awam dan ejen di dalam Seksyen 3 ASPRM 2009, telah memberi, bersetuju memberi, menerima atau bersetuju menerima rasuah sebagaimana erti rasuah di dalam Seksyen 3 ASPRM 2009 atau menyalahgunakan jawatan dan kedudukan di dalam badan awam atau telah dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya iaitu Kerajaan Malaysia dengan mengemukakan resit atau dokumen yang mengandungi butiran yang salah atau palsu atau menerima barang berharga sebagai balasan atau tidak daripada orang yang ada kena mengena dengan tugas rasmi seseorang pegawai awam itu. Tindakan-tindakan di atas dilakukan oleh anggota badan awam atau ahli politik tersebut adalah bertujuan untuk memperolehi faedah bagi diri sendiri dengan membelakangi faedah prinsipalnya atau Kerajaan Malaysia.

Di Malaysia, setiap ahli anggota pentadbiran awam samada yang merupakan ahli politik atau bukan adalah tertakluk kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 dan Akta Kanun Keseksaan yang merupakan kesalahan yang ditetapkan mengenai perbuatan rasuah yang dilakukan oleh mereka. Di sini pengkaji ingin menjelaskan bahawa, walaupun definisi rasuah politik oleh sarjana sains politik merujuk kepada ahli anggota pentadbiran kerajaan ia juga merujuk kepada ahli politik berdasarkan takrifan Seksyen 3 ASPRM 2009. Ini kerana ahli politik akan dilantik sebagai ahli anggota pentadbiran kerajaan di peringkat yang tertinggi di peringkat persekutuan dan juga di peringkat negeri. Jika anggota badan awam atau ahli politik tersebut telah melakukan sesuatu tindakan yang menyalahi ASPRM 2009 dan Kanun Keseksaan seperti yang telah dibincangkan, dan jika dituduh dan dibicarakan dan didapati bersalah, maka mereka telah melakukan rasuah politik.

1.8.2 Pendanaan Parti Politik

Parti politik memerlukan dana untuk membiayai aktiviti-aktiviti yang membabitkan pengundian dan politik. Pendanaan parti politik adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti untuk menambah kewangan parti politik. Dana diperolehi oleh parti politik kebiasaannya akan diperolehi daripada yuran keahlian parti. Oleh kerana ianya tidak mencukupi, maka aktiviti pendanaan parti yang dilakukan secara tradisional melalui aktiviti seperti makan malam amal, derma, jualan amal dan lain-lain dijalankan. Dana yang diperoleh akan digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti politik. Menurut Pinto-Duschinsky (2002), takrifan yang paling sempit untuk pembiayaan politik ialah wang untuk kegiatan berkempen. Tetapi beliau telah menambah bahawa ia juga termasuk pengumpulan dana untuk aktiviti-aktiviti parti seperti kos

menyelenggarakan pejabat-pejabat, menjalankan penyelidikan dasar, mengendalikan undian dan pendidikan politik, menjalankan pengiklanan kempen mengenai dasar-dasar parti dan mengerakkan pengundi semasa pilihan raya. Menurut TI-Malaysia, aktiviti pendanaan parti politik adalah sesuatu yang tidak dilarang, tetapi harus diselenggara agar pembiayaan yang berlebih-lebihan sebagai contoh oleh golongan perniagaan dan aliran wang dari sumber-sumber yang menyalahi undang-undang membawa kepada pembayaran balik yang dikhuatiri menggalakkan rasuah. Aktiviti pendanaan parti tidak selalunya melalui jalan yang sah.

Menurut Gomez (2012), parti politik juga memperolehi dana daripada dana rahsia, dana yang diberikan kepada parti politik oleh syarikat-syarikat dan penderma luar negara. Beliau berhujah bahawa cara pendanaan yang tidak sah dan menyalahi undang-undang akan menyebabkan belakunya rasuah politik. Beliau memberikan contoh politik wang yang digunakan untuk membeli undi semasa kempen pilihan raya ianya melibatkan wang hasil pembiayaan politik dan pendanaan parti politik yang diperolehi dari cara yang salah dan rasuah. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan dan memberikan fokus kepada isu pendanaan parti politik di Malaysia dan kaitannya dengan rasuah politik. Bagaimana parti politik terlibat dengan rasuah politik? Adakah pendanaan aktiviti politik menyebabkan rasuah politik berlaku? Kajian ini akan menjawab persoalan tersebut dengan membincangkan insiden rasuah politik dan kaitannya dengan parti politik di Malaysia.

1.9 Kerangka Konsep

Kajian ini menggunakan konsep rasuah politik dengan aktiviti ahli politik yang dikaitkan diantara satu sama lain dengan menggunakan kerangka kosep yang dibangunkan oleh John G. Peter dan Susan Welch (1978) yang bertajuk *Political Corruption in America in a Search for Definition and Theory*.

1.9.1 Kerangka Konsep *Political Corruption in America*

John G. Peter dan Susan Welch (1978) telah merangka kerangka konsep mengenai perlakuan rasuah politik dengan memberi fokus kepada fenomena rasuah politik yang berlaku di Amerika Syarikat (AS). Kerangka ini dihasilkan dengan melihat keperluan untuk menjalankan kajian ke atas rasuah politik agar ia menjadi lebih terarah dan fokus. Menurut John G. Peter dan Susan Welch (1978), kurangnya kajian tentang rasuah politik pada ketika itu adalah disebabkan oleh kaburnya definisi rasuah politik itu sendiri. Walaupun kebanyakan sarjanaa sains politik dan sosiologi menggunakan definisi yang dibangunkan oleh Nye (1967) iaitu perlakuan rasuah politik berlaku apabila ia menyimpang daripada tugas rasmi seorang pegawai awam (yang dilantik atau diundi) kerana untuk mendapatkan faedaah bagi diri sendiri (individu, keluarga dan kawan rapat). Namun begitu, John G. Peter dan Susan Welch (1978) lebih terdorong untuk memilih tafsiran rasuah politik yang dibangunkan oleh Scott (1972), yang menyatakan bahawa definisi rasuah politik adalah berdasarkan; (i) undang-undang, (ii) kepentingan awam, dan (iii) pendapat orang ramai.

Menurut John G. Peter dan Susan Welch (1978) lagi, secara amnya Heidenheimer (1970) telah berjaya membahagikan aktiviti-aktiviti yang dikatakan korup. Ia adalah berdasarkan tiga elemen utama iaitu: (i) interaksi pegawai tersebut bersama orang ramai, (ii) interaksi pegawai tersebut bersama pegawai badan awam lain, dan (iii) interaksi pegawai tersebut bersama golongan elit politik.

Berdasarkan definisi yang dibangunkan oleh Scott (1972) dan juga elemen yang dibangunkan oleh Heidenheimer (1970), John G. Peter dan Susan Welch (1978) telah membangunkan kerangkan kosep rasuah politik di dalam konteks AS. Menurut mereka, terdapat empat elemen komponen yang menentukan aktiviti seseorang pegawai awam dan ahli politik tersebut adalah korup. Menurut mereka, aktiviti dan kelakuan pegawai awam yang juga merupakan ahli politik adalah ditentukan oleh: (i) jawatan atau kedudukan mereka di dalam badan awam, (ii) derma yang diberikan atau diperoleh oleh beliau, (iii) dorongan yang diberikan atau diperoleh oleh beliau, dan juga (iv) balasan balik yang diperoleh atau diberikan kepada mana-mana pihak ke atas sumbangan derma dan juga balasan yang diberikan ataau diterima oleh beliau. Dengan kata lain, sebarang aktiviti dan kelakuan samada bersifat politik atau tidak akan ditentukan adalah rasuah politik sekiranya setiap tindakan tersebut mempunyai kempat-empat elemen tersebut.



Rajah 1: Kerangka kosep yang dibangunkan oleh John G. Peter dan Susan Welch (1978) dalam melihat aktiviti atau kelakuan yang dilakukan oleh ahli politik sekiranya mempunyai kesemua elemen tersebut, aktiviti atau kelakuan tersebut dikatakan korup dan merupakan perlakuan rasuah politik.

Daripada rajah di atas, kita boleh melihat hubungkait antara ahli politik, aktiviti politik dan juga rasuah politik. Menurut kerangka tersebut, seseorang ahli politik yang dilantik sebagai pegawai badan awam melakukan rasuah politik sekiranya aktiviti yang dilakukannya samada bersifat politik atau pun tidak, jika memberikan derma atau menerima derma sebagai dorongan atau memberikan derma sebagai dorongan, kemudian beliau akan mendapat balasan balik atau memberikan balasan balik atas tindakan derma atau sumbangan tersebut, adalah telah melakukan kesalahan rasuah politik. Konsep ini dilihat selari dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang menyatakan:

“Sebagai seorang ejen, dia secara rasuah rasuah menyetuju terima atau memperoleh, atau bersetuju untuk menyetuju terima atau cuba untuk memperoleh, dari mana-mana orang, untuk dirinya sendiri atau untuk mana-mana orang lain, apa-apa suapan sebagai satu dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan, apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau kerana memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya” (Seksyen 17(a) ASPRM 2009).

“Keempat-empat elemen ini iaitu pegawai awam, derma, dorongan dan balasan akan memberikan kita pilihan yang luas untuk membandingkan aktiviti politik, samada ia berpotensi untuk menjadi rasuah politik berdasarkan undang-undang, pelanggaran kepentingan awam atau kutukan oleh masyarakat” (John G. Peter dan Susan Welch, 1978, p.983).

Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kerangka konsep yang dibangunkan oleh John G. Peter dan Susan Welch (1978) untuk mengkaji dan menganalisis kandungan kertas siasatan rasuah terpilih untuk melihat adakah perlakuan rasuah politik oleh ahli-ahli politik tersebut selari dengan kerangka konsep ini. Ia juga akan memberikan kita bukti-buktii kelakuan dan aktiviti politik oleh ahli politik tersebut yang dilantik sebagai pegawai awam mempunyai kaitan dan hubungkait dengan rasuah politik.

1.10 Signifikasi Kajian

Kajian ini amat signifikasi untuk dijalankan kerana ianya menampilkan data-data dan statistik rasmi daripada organisasi yang membanteras rasuah di Malaysia iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kajian ini dapat menunjukkan kaitan diantara aktiviti politik dan rasuah politik dan di dalam keadaan apakah ahli politik terlibat di dalam rasuah politik. Selain itu, kajian ini juga dapat menganalisis apakah faktor yang menyebabkan penglibatan mereka dalam rasuah dengan mengkaji fail dan kertas siasatan SPM. Ini sangat penting untuk dikaji kerana kajian oleh Transparency International (TI) menunjukkan parti politik paling teruk digambarkan terlibat dengan rasuah dan diikuti oleh institusi kerajaan. Kajian ini juga dilihat signifikasi untuk dilakukan kerana, rasuah politik dilihat sebagai jenis rasuah yang

paling tinggi atau *grand corruption*⁶, yang perlu diberikan fokus utama, dan sekiranya ia dapat dibendung, maka rasuah-rasuah jenis yang lain juga akan turut dapat diatasi.

Kajian mengenai ahli politik amat penting kerana pemimpin-pemimpin di Malaysia merupakan ahli politik yang dilantik untuk mengetuai kerajaan setelah memenangi pilihanraya. Ditambah pula dengan isu politik wang yang terus menular di kalangan parti politik Malaysia khususnya UMNO. Memandangkan UMNO merupakan parti tunjang di dalam BN di mana Presiden UMNO akan dilantik sebagai Perdana Menteri, maka apakah nasib negara ini sekiranya presiden UMNO yang dilantik tersebut mengamalkan politik wang? Ini menunjukkan betapa pentingnya untuk kita mengupas masalah ini sedalam-dalamnya bagi mengelakkan perkara tersebut berlaku.

1.11 Organisasi Penulisan

Kajian dibahagikan kepada enam bab. Bab I menghuraikan tentang latar belakang kajian, pengenalan tentang kajian yang memberikan gambaran awal mengenai seluruh idea kajian yang dijalankan. Selain pengenalan, bab ini merangkumi permasalahan kajian, tujuan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, konsep kajian, dan pembahagian bab. Setiap bab II membincangkan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini yang merangkumi tujuan-tujuan kajian yang telah dinyatakan. Bab ini juga mengulas tentang kajian-kajian lepas mengenai rasuah politik dengan lebih terperinci. Kajian-kajian ilmiah oleh pengkaji-pengkaji dan sarjana ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (i) rasuah politik di negara maju (ii) rasuah politik di negara membangun (iii) rasuah politik di Malaysia.

Bab III pula membincangkan mengenai konsep rasuah politik dan parti politik di Malaysia. Huraian konsep ini sangat penting kerana dengan perbincangan mendalam mengenai definisi, ciri-ciri dan jenis rasuah dapat memberikan pemahaman yang mendalam mengenai rasuah politik dan parti politik seterusnya dapat memahami tujuan kajian ini dilakukan. Pendanaan parti politik turut dibahaskan di dalam bab ini untuk melihat kaitan diantara keduanya.

Bab IV membincangkan pendekatan, kaedah dan metod kajian yang digunakan di dalam kajian ini seperti kaedah pengumpulan data dan menganalisis data. Kajian ini menganalisis insiden kertas siasatan rasuah yang melibatkan ahli politik di Malaysia. Di mana ianya membincangkan insiden kes rasuah politik yang melibatkan ahli politik terkenal tanah air. Kes-kes tersebut dipilih secara rawak dengan berdasarkan kondisi tertentu seperti hanya kes yang telah di KUS sahaja akan dipilih dan dianalisis. Bab ini juga memaparkan temubual yang dijalankan ke atas informan yang

⁶ Grand corruption merujuk kepada rasuah politik yang dilakukan oleh golongan elit politik dengan menyalahgunakan kuasa mereka untuk membuat polisi ekonomi. Mereka ialah ahli politik yang dilantik menjadi pegawai tinggi kerajaan untuk menjaga kepentingan rakyat (Krueger, 1993). Sepatutnya ahli politik tersebut melakukan tugas mereka sebagai penjaga kepentingan prinsipalnya iaitu rakyat secara keseluruhan. Oleh itu adalah sangat penting bagi mereka untuk mengimbangi kepentingan rakyat dan kepentingan peribadi mereka dan tidak boleh dicampur adukkan. Jika tiada keseimbangan, maka timbulah masalah seperti rasuah dan salah guna kuasa.

terdiri daripada ahli politik terkenal tanah air seperti Y.B Yusmadi Yusoff daripada PKR dan Y.B Dato' Saifuddin Abdullah mewakili UMNO.

Di dalam bab V, membincangkan dapatan kajian yang telah diperolehi daripada sumber primer dan sekunder seperti yang dibincangkan di dalam bab III. Hasil analisis data yang diperolehi daripada insiden kes siasatan rasuah politik tersebut dianalisis di dalam melihat kaitan di antara rasuah politik dan parti politik. Analisis juga dilakukan di dalam menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi ahli politik untuk terjebak di dalam amalan rasuah dan salah guna kuasa. Analisis-analisis tersebut akan dikuatkan lagi dengan analisis sumber primer iaitu temubual yang dijalankan ke atas ahli politik Malaysia. Analisis temubual tersebut dijadikan cadangan untuk membendung amalan rasuah di Malaysia bagi menjawab tujuan kajian yang ketiga di dalam tesis ini.

Sementara bab VI pula mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh diketengahkan untuk membanteras dan membendung rasuah politik di Malaysia dan juga kesimpulan mengenai kajian ini serta isu-isu yang boleh dikaji pada masa akan datang. Pengkaji juga membahagikan cadangan berdasarkan dua faktor iaitu parti politik dan ahli politik sebagai individu. Untuk parti politik cadangan untuk memperkasakan undang-undang berkenaan dengan parti politik diutarakan. Manakala untuk individu, cadangan untuk memperkasa sikap nilai-nilai murni dan integriti di kalangan ahli parti politik perlu diketengahkan untuk mengelakkan mereka terjebak di dalam amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Bab ini juga menyimpulkan penemuan utama kajian ini. Bab ini juga menyorot kembali persoalan kajian berdasarkan kepada informasi dan data yang diperolehi hasil daripada insiden kes rasuah politik di Malaysia dan juga hasil temubual yang dijalankan ke atas ahli politik yang terpilih. Selain menyatakan limitasi semasa manjalankan kajian ini, bab ini juga menjawab hipotesis kajian iaitu parti politik dan ahli politik yang memerlukan pendanaan wang politik merupakan faktor utama punca rasuah politik di Malaysia. Selain itu bab ini juga menghujahkan beberapa penemuan menarik yang menjadi sumbangan kepada penyelidikan ini, iaitu ahli politik yang terlibat di dalam rasuah politik dan salah guna kuasa menggunakan alasan derma kepada parti politik sebagai alasan untuk menerima wang rasuah daripada pihak-pihak tertentu, walhal setelah dibuktikan di mahkamah, wang tersebut merupakan wang rasuah untuk kegunaan peribadinya.

RUJUKAN

- Abu Kassim Mohamed, Chuah Chang Man, Mohd Nizam Mohd Ali. (2010). *The Enhancement of Integrity and Anti-Corruption Measures*. Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Integrity.
- Ades, A., Di Tella, R., (1999). Rents, Competition, and Corruption. *The American Economic Review*. Vol.89, No.4, pp.982-993.
- Amundsen, I, (1999). Political Corruption: An Introduction to the Issues. *Development Studies and Human Rights*. Bergen Chr. Michelson Institute, 3-20.
- Austin R., & Tjernstrom, M. (2003). *Funding of Political Parties and Elections Campaigns: Handbook Series*. Stockholm: International Idea.
- Bayley, D., H. (1966). The Effects of Corruption in Developing Nation. *Western Political Sciences Quarterly*. Vol.19 No.4.
- Beck, P.A. (1997). *Party Politics in America*. (8th eds.). New York: Longman.
- Becker, G.S., Stigler, G.J. (1974). Law Enforcement, Malfeasance and the Compensation of Enforcers. *Journal of Legal Studies*, III, 1-19.
- Berelson, B. (1952). *Content Analysis in Communication Research*. New York: Free Press.
- Blechinger, V., (1999). Changes in the Handling of Corruption Scandals in Japan since 1994. *Asia-Pacific Review*, 6:2, 42-64. doi.org/10.1080/13439009908720016.
- Blechinger, V. (2002). Corruption and Political Parties. *Sectoral Perspectives on Corruption 2002*.
- Blanchinger, V. (2002). Corruption and Political Parties. *Management Systems International*, Washington DC.USA.
http://pdf.usaid.gov/pdf_docs/PNACT879.pdf.
- Bowles, R., (1999). *8500 Corruption*. School of Social Sciences, University of Bath, pp.460-491.
- Boyer, G.R. (1998). The Historical Background of Political Manifesto. *The Journal of Economic Perspectives*. 12 (4): 231.

Burke, E. (1770). *Thought on the Cause of the Present Discontents*. In Paul Langford (eds.) *The Writing and Speeches of Edmund Burke*. Oxford: Clarendon Press 1981.

Buku Jingga: Ubah Sekarang, Selamatkan Malaysia,
http://dapmalaysia.org/newenglish/pub/buku_jingga/Buku-Jingga-BM.pdf.

Case, W.F., Liew Chin Tong (2006). How Committed is PAS to Democracy and How do We Know it? *Contemporary Southeast Asia*. Vol28, No.3, pp. 365-406.

Chambers, W. N. (1967). *Party Development and the American Mainstream*. In *The American Party System: Stages of Political Development* (eds.) Chambers, W.N. and Burnham, W. D. New York: Oxford University Press, pp 3-32.

Cox, W.G., dan Thies, M. F. (1998). The Cost of Intraparty Competition: The Single, Nontransferable Vote and Money Politics in Japan. *Comparative Politics Studies*. 31-267.

Dasar Ekonomi Baharu, Ranchangan Malaysia Kedua. http://www.epu.gov.my/epu-theme/rmk2/rmk2_bm_chapter_01.pdf.

Downs, A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper & Row.

Duasa, Jarita (2010). *Tendency of corruption and its determinants among public servants: a case study of Malaysia*. Indian Development Review, 8 (1). pp. 279-292.

Durverger, M. (1954). *Political Parties, their organization and activity in the modern state*. London: Lowe & Brydone (Printers) Ltd.

Duverger, M. (1981). *Partai-Partai Politik dan Kelompok-Kelompok Penekan*. Terjemahan oleh Laila Hashim. Jakarta: Bina Aksara.

E. Apter, D.(1993). *Politik Modernisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Epstein, L.D. (1967). *Political Parties in Western Democracies*. New York: Praeger.

Fadillah Putra. (2005). *Kebijakan bukan untuk publik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Faridah Mahabob, Rasuah Dalam Politik,
<http://www.sprm.gov.my/files/Rasuah%20Dalam%20Politik.pdf>.

Fell, D., (2005). Political and Media Liberalization and Political Corruption in Taiwan. *The China Quarterly*, 2005.

- Fernandez, J.M. (2010). *Reforming Political Financing in Malaysia*. Kuala Lumpur: Transparency International- Malaysia.
- Global Corruption Barometer 2009, Transparency International.
http://archive.transparency.org/policy_research/surveys_indices/gcb/2009.
- Gomez, E.T. (1994). *Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*. Kuala Lumpur: Forum.
- Gomez, E., T. (1994). *Political Business: Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*. Cairns: James Cook University.
- Gomez, E.T., Jomo, K.S. (1999). Malaysia's *Political Economy- Politics, Patronage, and Profits*. New York: Cambridge University.
- Gomez, E.T. (ed.) (2002). *Political Business in East Asia*. London: Routhledge.
- Gomez, E.T (2012). Monetizing politics: Financing parties and elections in Malaysia. *Modern Asian studies*, 46, pp 1370–1397. doi:10.1017/s0026749x1200200.
- Gunther, R., Diamond, L., (2003). Species of Political Parties: A New Typology. *Party Politics* 2003, 9: 167. Doi: 10.1077/13540688030092003.
- Haryanto. (1984). *Partai Politik: Suatu Tinjauan Umum*. Yogyakarta: Liberty.
- Hendri Koeswara. (2009). *Dari Janji Politik ke Perlaksanaan Dasar Awam: Keberkesanan Pilkada Langsung di Provinsi Sumatera Barat*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Heidenheimer, A.J., Johnston, M., (2002). *Political Corruption: Concept & Contexts*. New Jersey: Transaction Publishers.
- Heidenheimer, A. J., Johnston, M. (eds.) (2007). *Political Corruption: Concept & Contexts, Third Edition*. New Jersey: New Brunswick.
- Herman Hamid, Isa digantung 6 tahun,
http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0625&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm. Utusan Malaysia. Jun 24, 2005.
- Heywood, P.(1997). Political Corruption : Problems and Perspective. *Journal of Political Studies*, XLV,417-435.
- Hilley, J.(2001). *Malaysia- Mahathirism, Hegemony, and the New Opposition*. London: Zed Books.

- Hopkin, J. (2005). Towards a chequebook democracy? Business, parties and the funding of politics in Italy and the United States. *Journal of Modern Italian Studies*, 10 (1) 2005: 43-58.
- Huntington, S., P. (1968). *Political Order in Changing Societies*. New Haven: Yale University Press.
- http://www.webref.org/anthropology/p/patron_client_relationship.htm.
- Ibrahim Abu Bakar (2011). The Theories of Islamic States as Advocated by the Two Malay Muslim Political Parties in Malaysia. *The International Journal of Interdisciplinary Social Sciences*. Vol 6, Issue 1.
- Izra Abd Rahman, Jumlah Ahli Umno Meningkat Kepada 3.34 Juta, http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=/2012/2/24/mstar_berita/20120224003826. Februari 24, 2012.
- Jain, A.K., (2001). Corruption: A Review. *Journal of Economics Surveys*, Vol.15, No.1, Blackwell Publisher Ltd., 2001.
- Jamaie Haji Hamil (2002). Politik Perniagaan: Responsif Awal UMNO terhadap Rekonstruksi Sosio-Ekonomi Melayu dan Kepentingan Parti. *JEBAT* 29, 49-67.
- Jamaie Haji Hamil (2004). UMNO dalam Politik dan Perniagaan Melayu. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Janda, K., Colman, T. (1998). *Effect of Party Organization and Performance during Golden Age of Parties*. In Hofferbert, R. (eds.) (1998). *Parties and Democracy*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Johnston, M. (2002). Measuring the new corruption rankings: Implications for analysis and reform. In A. J.Heidenheimer, & M. Johnston (Eds.) *Political corruption: Concepts and contexts* (Chapter 44 ((pp. 865884)3rd ed.). New Brunswick, NJ: Transaction
- Johnston, M. (2005). *Syndromes of corruption: Wealth, power, and democracy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Johnston, M.,(2008). Japan, Korea, the Philippines, China: Four Syndromes of Corruption. *Crime Law Social Change*, 49:205-223. Doi 10.1007/s10611-007-9095-2.

Jon S.T. Quah. (1999). *Corruption in Asian Countries: Can it be Minimised?* Public Administration and Public Policy, Vol.II

Katz, C., Perez, C. (2001). Political Manifesto of Globalization. *Latin America Perspectives*. Vol 28 No.6.

Katz, R.S., Mair, P. (1995). Changing Model of Party Organization and Party Democracy. *Party Politics* (1) 5-28.

Katz, R., Kolodny, R. (1994). *Party Organization as an Empty Vessel: Parties in American Politics*. In Katz, R. and Mair, P. (eds.) *How Parties Organize. Change and Adaptation in party Organization in Western Democracies*. London: Sage, pp.23-500.

Kaufmann, D. (1997). *Are We Being Good or Smart in the Fight Against Corruption?* Paper presented to the VIII International Anti Corruption Conference, Peru (September).

Kerlinger, F.N. (1973). *Foundation of Behavioral Research* (2nd ed.) New York: Holt, Rhinehart and Winston.

Khan, M., H. (1996). A Typology of Corrupt Transactions in Developing Countries. *IDS Bulletin*, vol.27. no.2.

Kirchheimer, O. (1966). *The Transformation of the Western European Party Systems*. In LaPalombara, J., Weiner, M. (eds.) *Political Parties and Political Development*. Princeton NJ: Princeton University.

K. Le Roy, M. (2008). *Research Methods in Political Sciences an Introduction Using MicroCase Seventh Editio*. Washington: Wadsworth Publishing.

Klitgaard, R. (1988). *Controlling Corruption*. Barkeley: University of California Press.

Klitgaard, R.E., (1991). Political Corruption: Strategies for Reform. *Journal of Democracy*, Vol.2, No.4, 1991, pp.86-100, doi: 10.1353/jod.1991.0058.

Krauss, E.S., Pekkanen, R.J. (2010). The Rise and Fall of Japan Liberal Democratic Party. *The Journal of Asian Studies*. Vol 69 No.1, 5-15.

Krueger, A.P. (1974). The Political Economy of a Rent Seeking Society. *American Economics Review*. LXIV, 291-303.

- Lawler, E. J., Hipp, L. (2010). Corruption as Social Exchange. In Thye S.R., and Lawler E.J. (eds.) *Advances in Group Processes*, Vol 27, Emerald Group Publishing Limited, pp.269-296.
- Marsh, D., Stoker, G. (2010). *Theory and Methods in Political Science*. UK: Palgrave Macmillan.
- Mashall, C., Rossman, G.B. (1999). *Designing Qualitative Research* (3rd ed.). Thousand Oak, CA: Sage.
- Mauro, P. (1995). Corruption and Growth. *Quarterly Journal of Economics*. 109, 681-712.
- McMullan, M. (1961). A Theory of Corruption. *Sociologist Review*. Vol.9 No.2.
- Md Izwan, Pemberian dana RM 40 juta bertujuan untuk derma politik, kata PM, <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemberian-dana-rm40-juta-bertujuan-untuk-derma-politik-kata-pm>. The Malaysian Insider. Oktober 13, 2012.
- Mietzner, M, (2007). Party Financing in Post-Soeharto Indonesia: Between State Subsidies and Political Corruption. *Contemporary Southeast Asia: A Journal of International and Strategic Affairs*, Vol.29, No.2, pp. 238-263.
- Milne, R.S. (1973). Patrons, Client and Ethnicity: The Case of Sarawak and Sabah in Malaysia. *Asian Survey*. Vol.13, No.10, pp.891-907.
- Milne, R.S. (1986). Malaysia: Beyond the New Economic Policy. *Asian Survey XXVI* (12): 1366-1382.
- Miriam Budiarjo (eds.) (1981). *Partisipasi dan partai Politik, Sebuah Bunga Rampai*. Jakarta: PT Grameda.
- M. Macmullan, A Theory of Corruption. *Sociological review*, 2 July 1961, pp. 181-201.
- Mohamad Agus Yusoff (2005). *Pemilihan UMNO 2004: Politik Wang atau Wang Politik?* Dlm Sity Daud & Zarina Othman (pnyt.) Politik dan Keselamatan, hlm. 172-186. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamed, A.S (2003), Rasuah: Cabaran di Malaysia dan Pendekatan Pencegahannya Mengikut Perspektif Islam, Tesis yang belum diterbitkan. Kuala Lumpur: UKM.
- Moore, J.R. (1965). Political Manifesto. *The Journal of Southern History*. 31 (1):130.

- Moten, A. R. (2011). Changing Political Culture and Electoral Behavior in Malaysia. *Asian Affairs: An American Review*, 38(1), 39-56.
- M.Pomper,G. (1992). Concept of Political Parties. *Journal of Theoretical Politics*, 4(2): 143-159.
- Muhammad Hafiz Ishak (2011). *Bentuk Insiden Rasuah dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia: Kajian kes fail tahun 2000 hingga 2009*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mwangi, O.G.,(2008). Political Corruption, Party Financing and Democracy in Kenya. *Modern African Studies*, 46, 2 (2008), pp. 267-285. Doi: 10.1017/S0022278X08003224.
- Neumann, S. (1956). *Modern Political Parties: Approaches to Comparative Politics*. Chicago: Chicago University Press.
- Neumann, S. (1966). *Towards a Comparative Study of Political Parties*. In Neumann, S. (eds.) *Modern Political Parties*. Chicago: University of Chicago Press.
- Norshahzura Mat Zuki, Pemimpin PKR: Janji tidak ditunai rasuah politik. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/pemimpin-pkr-janji-tidak-ditunai-rasuah-politik-1.36021>. Sinar Harian. Mac 29, 2012.
- Nye, J.S. (1967). Corruption and Political Development: Cost Benefit Analysis. *The American Political Sciences Review*. 61 (2).
- Ohman, M. (2010). The Role of Money in Politics. <http://www.ifes.org/Content/Publications/Opinion/2010/March/Working-for-Increased-Transparency-in-the-Role-of-Money-in-Politics.aspx>.
- Olson, M. (1965). *The Logic of Collective Action*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Omar, Azfar, Lee,Y., & Swamy, A., (2001). The Causes and Consequences of Corruption. *The Annals of the American Academy of Political and Social Sciences*, 573:42. doi: 10.1177/000271620157300103.
- Perry, G.E., Burki, S.J. (1998). *Beyond the Washington Consensus*. Washington, DC: The World Bank.
- Persson, T., Tabellini G. (2000). *Political Economics: Explaining Economic Policy*. Cambridge: Cambridge University Press.

Phar, S., Putnam, R. (eds.) (2000). *Disaffected Democracies*. Princeton, NJ: Princeton University Press.

Philip, M.(1997).Defining Political Corruption. *Journal of Political Studies*, XLN,436-462.

Pinto-Duchinsky, M. (2002). Financing Politics: A Global View. *Journal of Democracy*, 13,4,pp.69-86.

Porta, D.D (2004). Political parties and corruptions: Ten hypotheses on five vicious circles.*Crime, Law & Social Change*2004, 42:35-60.

Pujas, V., Rhodes, M. (1999). Party finance and political scandal in Italy, Spain and France. *West European Politics*, 22:3, 41-63.

Rose-Ackerman, S. (1999). *Corruption and Government. Causes, Consequences, and Reform*. Cambridge New York: Cambridge University Press.

Roskin, M. G., Cord, R. L., Medeiros, J. A., Jones, W. S. (2000). *Political Science : An Introduction*. New Jersey: Prentice Hall.

Sarakinsky, I. (2007). Political Party Finance in South Africa: Disclosure Versus Secrecy. *Democratization*. Vol 14, No.1, pp.111-128.

Sartori, G. (1976). *Parties and Party System*. Cambridge: Cambridge University Press.

Saville, C. (2008). *Integrity: The International IDEAS for Enhancing Development and Accreditation System*. Shah Alam: Arah Publication.

Schattschneider, E.E. (1942). *Party Government*. New York: Farrar and Rinehart.

Siddique, N.A., (2010). Combating Corruption and Managing Integrity in Malaysia: A Critical Overview of Recent Strategies and Initiatives.*Public Organization Review*, 10:153-171, doi 10.1007/s11115-009-0102-y.

Sieh, Mei Ling (1987). *Emerging Corporate Groups in Malaysia: Response the New Economic Policy*. Ilmu Masyarakat. 30.

Sieh, Mei Ling. (1992). *The Transformation of Malaysian Business Group*. In McVey, R. (eds.) *Money and Power in Provincial Thailand*. Honolulu: Uniiversity of Hawaii Press.

Subbiah, K.(2010). *Liputan Berita Pencegahan Rasuah: kajian ke atas akhbar Berita Harian dan The Star*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Summers, M. (1987). *The Plundering Generation: Corruption and the Crisis of the Union, 1849-1861*. New York: Oxford University Press.

Syed Arabi Idid (1993). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Hussein Alatas (2002). *Rasuah, Sifat Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Tajuddin used ‘a lot of money’ in division polls, UMNO member sacked. News Straits Times, July 16, 1995.

Tanzi, V. (2002). *Corruption around World: Causes, Consequences Scope and Cures*. In Abed, G.T and Gupta, S. (eds.) *Government, Corruption and Economic Performance*. Washington: IMF.

Teh, Yik Koon (2002). Money politics in Malaysia. *Journal of contemporary Asia* 2002, 32, 3, ProQuest pg.338.

The Users’ Guide to measuring corruption. UNDP Centre, Oslo: Norway, 2008.
http://www.undp.org/content/dam/aplaws/publication/en/publications/democratic-governance/oslo-governance-center/governance-assessments/a-users-guide-to-measuring-corruption/users_guide_measuring_corruption.pdf.

Tshitekere, C. (2002). *Securing Democracy: Party Finance and Party Donation-South Africa Challenges*. Pretoria: Institute for Security Studies. (ISS), p.63.

Undang-Undang Malaysia: Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Berhad.

United Nations handbook on practical anti-corruption measures for prosecutors and investigators, chapter 2 page 23; Vienna, September 2004..

Wain, B. (2009). *Malaysian Mavericks: Mahathir Mohamad in Turbulent Times*. London: Palgrave Macmillan.

Wallis, J.J. (2004). *The Concept of Systemic Corruption in American History*. In Glaeser, E.L., Goldin, C. (eds.) *Corruption and Reform: Lesson from America’s Economic History*. Chicago: Chicago University Press.

What is Corruption Perception Index (CPI)?

http://cpi.transparency.org/cpi2012/in_detail/#myAnchor1.

White, N.J. (2004). The Beginning of Crony Capitalism: Business, Politics and Economic Development in Malaysia, c.1955-70. *Modern Asian Studies*. 38, 2, pp.389-417.

Wolinetz, S. (2002). *Beyond the Catch-All Party: Approaches to the Study of the Parties and Party Organization*. In Gunther, R., Montero, J.R., and Linz, J.J. (eds.) *Political Parties: Old Concepts and New Challengers*. Oxford: Oxford University Press.

Yates, S.J. (2004). *Doing Social Research*. London, UK: Sage Publication.

Zamal Abdul Rahman (2011). *Rasuah di kalangan kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Selangor*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaiton, H., Zaharah, E., Habibah, *Conceptualising Corruption and Its Legal Control*, Proceeding of the 1021 International Conference on Innovation, Management of Technology Research (ICIMTR2012), Malacca, Malaysia, 21-22 May 2012.